

Proton e.MAS 7 PHEV Kini Ditawarkan dalam Warna *Emerald Green*

Bukan Gurauan April Fool, tetapi jenama EV No.1 Malaysia memperluaskan barisan Proton e.MAS 7 PHEV dengan pilihan warna baharu Emerald Green, kini tersedia untuk tempahan.

SHAH ALAM, 1 April 2026 - PRO-NET, anak syarikat milik penuh PROTON, hari ini memperkenalkan *Emerald Green* sebagai warna bahagian luaran baharu bagi Proton e.MAS 7 PHEV, sekali gus memperluaskan pilihan pelanggan seiring dengan permintaan terhadap kenderaan elektrik yang semakin meningkat di Malaysia.

Sejak pelancarannya di pasaran pada awal tahun 2026, Proton e.MAS 7 PHEV telah menarik perhatian rakyat Malaysia dalam segmen PHEV. Momentum ini mencerminkan peningkatan keyakinan pengguna terhadap tawaran mobiliti elektrik oleh PRO-NET, sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan Proton e.MAS sebagai jenama EV No.1 di Malaysia dengan 1 daripada setiap 2 EV yang dijual di Malaysia tahun ini merupakan Proton e.MAS.

“Kami melihat sambutan yang sangat menggalakkan daripada rakyat Malaysia terhadap Proton e.MAS 7 PHEV. Jadi, kami teruja untuk memperkenalkan warna baharu, *Emerald Green* sebagai warna tambahan dalam barisan ini. Ia bukan sahaja memberi lebih pilihan kepada pelanggan, malah menyerlahkan lagi reka bentuk moden serta identiti model elektrik ini,” kata Puan Salawati Yusoff, Ketua Pegawai Penjenamaan PRO-NET.

Puan Salawati menambah, “Di PRO-NET, kami sentiasa mendengar keperluan pelanggan, memahami maklum balas mereka, dan terus menambah baik penawaran kami supaya pengalaman memiliki Proton e.MAS 7 PHEV kekal praktikal, menyeronokkan dan berbaloi. Sebagai contoh, Proton e.MAS 7 PHEV Prime ditawarkan pada harga yang cukup kompetitif, iaitu RM105,800, dengan kelebihan penjimatan bahan api, kos penyelenggaraan yang rendah, ruang dalaman yang luas dan selesa, serta nilai jangka panjang untuk pemandu di Malaysia.”

Warna baharu *Emerald Green* diperkenalkan sebagai pilihan kekal dalam barisan sedia ada Proton e.MAS 7 PHEV, bagi memberikan pelanggan lebih banyak pilihan warna. Pelanggan kini boleh membuat tempahan untuk warna *Emerald Green* bermula pada hari ini.

Teknologi Hibrid EM-i Menawarkan Penjimatan Bahan Api, Kecekapan, dan Praktikaliti Harian

Dikuasakan oleh teknologi hibrid termaju EM-i, Proton e.MAS 7 PHEV menggabungkan enjin 1.5 liter khusus hibrid bersama transmisi hibrid 11-dalam-1 (DHT) yang canggih, menghasilkan sistem pacuan yang sangat efisien dan direka untuk pemanduan berasaskan elektrik serta keupayaan perjalanan jarak jauh yang fleksibel. Dioptimumkan khusus untuk operasi hibrid, enjin ini mencapai kecekapan haba sehingga 46.5%, membolehkan penjimatan bahan api yang lebih baik sambil beroperasi dengan lebih senyap di latar belakang.

Teras bagi Proton e.MAS 7 PHEV merupakan transmisi hibrid 11-dalam-1 yang canggih, direka untuk memberikan pemanduan yang lancar dan responsif sambil memaksimumkan kecekapan. Sistem ini menjana kuasa 160 kW dan tork 262 Nm, memberikan pecutan yang bertenaga serta kawalan yang lebih mudah dan yakin. Dengan teknologi motor dan transmisi yang inovatif, operasi kekal lebih senyap, kehilangan tenaga dapat dikurangkan, dan kecekapan keseluruhan mencapai 92.5%, menjadikan setiap perjalanan lebih jimat dan menyeronokkan.

Sistem hibrid ini secara automatik bertukar antara mod EV, mod hibrid siri, dan mod hibrid selari mengikut keadaan pemanduan. Bagi kebanyakan perjalanan harian, kenderaan beroperasi dalam mod EV atau hibrid siri, di mana enjin bertindak menjana elektrik untuk memacu motor atau mengecas bateri. Apabila berada di lebuh raya atau dalam situasi jalan, sistem akan mengaktifkan pacuan terus oleh enjin bagi memberikan kecekapan dan prestasi yang lebih optimum.

Pemandu juga boleh memilih antara mod Pure, Hybrid dan Power mengikut keperluan pemanduan, sama ada untuk kegunaan harian sepenuhnya elektrik, pengurusan tenaga secara automatik, atau pecutan yang lebih bertenaga apabila diperlukan. Proton e.MAS 7 PHEV menawarkan penggunaan bahan api serendah 4.3 liter bagi setiap 100km, sambil mengekalkan kos penyelenggaraan selama 10 tahun di bawah RM8,000. Ini menjadikan kos pemilikan jangka panjangnya setanding dengan kenderaan EV, berbanding kenderaan enjin pembakaran dalaman (ICE) konvensional.

Dengan harga bahan api yang semakin tidak menentu, Proton e.MAS 7 PHEV membantu pemandu menjimatkan kos bahan api, terutamanya untuk perjalanan harian di mana motor elektrik mengambil alih sebahagian besar pemanduan.

Tempah Proton e.MAS 7 PHEV warna Emerald Green anda sekarang.

Pelanggan boleh mendaftarkan minat melalui laman web rasmi Proton e.MAS atau membuat tempahan terus di pengedar Proton e.MAS yang sah di seluruh negara.

Proton e.MAS kini mengendalikan rangkaian pengedar yang berkembang pesat dengan lebih daripada 50 lokasi di seluruh Malaysia, menawarkan sokongan jualan serta perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh kepada pelanggan di Zon Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur dan Malaysia Timur.

Untuk maklumat lanjut atau mencari pengedar Proton e.MAS yang sah berhampiran anda, sila layari laman web rasmi dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat terkini.

#PROTONeMAS7PHEV #DualPoweredEV #OpenYourWorld

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS merupakan jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu kebangsaan yang pertama di Malaysia, serta sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Sebagai peneraju dalam mempercepatkan penerimaan EV dan membangunkan ekosistemnya, Proton e.MAS komited untuk memacu peralihan ke arah mobiliti yang lebih mampan melalui inovasi dan kecemerlangan. Dengan rangkaian pengedar yang terus berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif, serta ekosistem yang menyeluruh, kami memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Selaras dengan PROTON, misi kami adalah untuk MENGINSPIRASIKAN HUBUNGAN dengan sentiasa menawarkan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan piawaian bertaraf antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran
H/Advisors Klareco
Telephone: +6014 345 2006
Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global